

17/09/1997

Menggalakan Melayu sertai persaingan tanpa sempadan

Abdul Rahim Bakri

SURVIVAL instinct' orang Melayu Afrika Selatan dan Melayu Sri Lanka yang kukuh menyebabkan mereka lebih bersemangat dan daya juangnya lebih berjaya berbanding Melayu Malaysia. `Overseas Chinese' lebih berdaya maju daripada Cina di negeri China. Orang Melayu Semenanjung bangun menentang Malayan Union British pada 1946 hanya selepas merasakan diri dan bangsa Melayu terancam akibat penguasaan penjajah dan orang asing.

Masyarakat Jepun bangkit sebagai `economic super power' hanya selepas tewas Perang Dunia Kedua, manakala Korea Selatan muncul sebagai `Economic Tiger Of The East Asia' hanya apabila mereka diancam oleh negara jiran mereka iaitu Korea Utara. Begitu juga Republik Taiwan yang melangkah maju kerana sering menghadapi ancaman dari China.

Kita seolah-olah dapat melihat ada hubungan sinonim di antara `survival instinct' dan tamadun bangsa. Arnold Toynbee menyatakan, tamadun bangsa terbentuk atas keupayaan manusia berdaya cipta. Sedangkan inspirasi berdaya cipta lazimnya terbit daripada `survival instinct'. Masyarakat Cina misalnya meninggalkan negeri China yang dilanda bencana dengan sehelai sepinggang, nampaknya mencipta kejayaan di merata dunia. `China Town' wujud di mana-mana dari benua Amerika ke Australia dan di serata Asia Tenggara.

Hari ini Amerika Syarikat kadangkala disebut sebagai gergasi yang semakin merosot. Kemerostotan itu ada kaitannya dengan ketiadaan `survival instinct' lagi. Mereka mengecapi kemakmuran, kekayaan tetapi dengan semangat budi pekerti dan usaha yang kosong. Keganasan, berfoya-foya, jenayah, dadah, pelacuran dan Aids adalah antara gejala yang dijangka menghancurkan tamadun Amerika. Keasyikan untuk bekerja kuat seperti datuk nenek mereka sudah terkikis dan mereka hanya bekerja lima hari seminggu. Ada pengkritik menyatakan hasil keluaran Amerika pada hari Isnin dan Jumaat tidak bermutu. Ini kerana pada hari Jumaat pekerja Amerika sudah tidak mempunyai semangat untuk bekerja keras kerana ingin berseronok pada hujung minggu. Manakala pada Isnin mereka mengalami `hangover'. Kegemaran menghabiskan masa mengejar keseronokan hidup ini sekali gus mempengaruhi produktiviti dan kualiti kerja mereka.

Seorang ahli fikir dan ahli sains politik Islam yang terkemuka, Ibu Khaldun ada menyebut, tamadun bangsa yang pada mulanya melonjak ke atas akhirnya akan mencapai titik optimum dan akan menurun dan hapus ditelan zaman. Inilah yang berlaku kepada tamadun Rom Greek, Aztec dan tidak terkecuali tamadun Islam.

Tamadun Islam mengalami kejatuhan selepas runtuhnya kerajaan Empayar Turki Ottoman akibat kelalaian, rasuah, malas dan hidup berfoya-foya pemimpin dan rakyatnya. Kerajaan Melayu Melaka yang terbilang itu hanya kekal selama 100 tahun dan hari ini Melaka hanya dikenang dalam liputan sejarah. Kelalaian pimpinan kerajaan mengundang malapetaka penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris dengan mengukir dan menulis sejarah Melaka semula selama lebih kurang 400 tahun.

Soviet Union yang suatu ketika dulu adalah empayar Timur yang kuat dan terbesar (diasaskan oleh pemikiran Das Kapital Komunis Karl Max & Lenin) akhirnya mengalami keruntuhan dan perpecahan. Soviet Union yang pernah dikagumi kerana kehebatannya menghantar angkasawan ke bulan sekarang menjalani kehancuran empayar dan semakin tidak dihormati. Keruntuhan ekonominya menyebabkan mereka menjadi pengemis antarabangsa kepada negara G7. Suatu ketika untuk mendapatkan sekeping roti rakyat Russia harus

berbaris beratus meter. Sedangkan di kemuncak tamadun, mereka mampu menghantar tentera ke mana-mana dari Eropah Timur hinggalah ke Asia.

Kita juga dikejutkan oleh pembunuhan kejam Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin yang dikenali sebagai 'The Hero of War and Peace' itu. Namun apa yang mengejutkan pembunuhan itu dilakukan oleh seorang belia Yahudi ekstremis bernama Yigal Amir. Selama ini orang Yahudi, malah warga dunia seluruhnya percaya seorang Yahudi tidak mungkin akan membunuh seorang Yahudi yang lain. Bagaimanapun anak muda Yahudi itu sama sekali tidak menyesali perbuatannya malah beliau percaya pembunuhan itu adalah arahan Tuhan demi survival bangsa Yahudi.

Selepas 2,000 tahun tidak mempunyai negara, Israel melalui bantuan kuasa Barat akhirnya wujud hasil pengorbanan seluruh generasi Yahudi (Zionisme). The 'Promised Land' yang dituntut bangsa Yahudi itu menghalalkan mereka untuk melakukan apa saja walaupun perbuatan itu menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan kepada orang lain khususnya orang Palestin.

Juruterbang 'Kamikaze' Jepun sanggup melakukan apa saja untuk menegakkan keagungan bangsanya dan askar Jepun yang tertangkap sanggup melakukan 'harakiri' daripada membocorkan rahsia ketenteraan.

Pada zaman Rasulullah dan khalifah Islam, sanggup menjelajah ke pelosok dunia untuk berjihad demi mengembangkan agama Allah. Mereka mampu menguasai Eropah, Asia Tengah, benua India, negeri China hingga kepulauan Melayu di Asia Tenggara. Saudagar Yaman adalah pendakwah yang mengislamkan penganut Hindu Melayu yang bertebaran di kepulauan Asia Tenggara pada ketika itu. Komitmen mereka terhadap kepercayaan mereka mengubah sejarah dunia dan kesannya dapat kita lihat hingga ke hari ini.

Apakah relevannya 'survival instinct' kepada masyarakat Bumiputera di Malaysia hari ini. Melayu dan Bumiputera (hanya lebih separuh jumlah penduduk Malaysia) harus menyedari tanpa 'survival instinct' tertanam di sanubari mereka, maka sudah pasti mereka hanyut di arus kemajuan dan kepesatan tamadun manusia. Tidak mustahil mereka hanya tinggal sebagai bahan tontonan sejarah seperti mana masyarakat 'Red Indian' di Amerika Utara, kaum Aztec di Amerika Selatan dan orang asli di Australia. Melayu dan Bumiputera Malaysia tidak harus berbangga dan berpuas hati dengan pencapaian mereka yang sedikit dan hanya menjadi penumpang dalam arus kemajuan negara. Ego ketuanan tidak seharusnya menjadi keangkuhan sehingga menjadikan jiwa, semangat dan pengorbanan mereka luntur dan lemah. Walaupun kuasa politik menjadi milik Bumiputera sekarang, jika Bumiputera tidak menggunakan peluang yang ada untuk memperteguh kedudukan ekonomi dan sahsiah mereka Bumiputera akan tertinggal. Kuasa politik akan menjadi lemah dan luntur jika kuasa ekonomi tetap dipegang orang lain.

Amerika hari ini terpaksa tunduk kepada dasar pro-Yahudi kerana kaum Yahudi menguasai ekonomi mereka. Yahudi memiliki perusahaan gergasi, saintis yang bijak, pemikir yang tajam dan strategik. Setiap calon presiden dan senat sama ada Demokrat atau Republikan harus mengambil kira kepentingan kaum Yahudi. Jika tidak calon itu akan kecundang. George Soros penyangak dan penyerang mata wang Asia juga adalah Yahudi. Begitu gagahnya kaum Yahudi hari ini menguasai dunia walaupun mereka adalah minoriti.

Melayu abad ke-21 harus berjiwa besar dan tidak mengurung fikiran dan psikologi dalam tempurung dan dunia yang kecil. Sikap begitu adalah satu kesilapan besar. Pepatah Melayu, 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' adalah pepatah lama yang harus dibuang.

Rezeki secupak akan menjadi berjuta gantang jika seluruh generasi Melayu/Bumiputera mencurahkan tenaga untuk menghasilkannya.

Dasar kerajaan yang pro-Bumiputera tidak seharusnya disalahgunakan sebagai kesempatan untuk bersenang-lenang dan bermegah-megah. Kemegahan dan 'psychological dependency' adalah merugikan orang Melayu.

Menyedari hakikat inilah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencernakan

Wawasan 2020 iaitu suatu visi dan misi untuk mengajak bangsa Melayu dan masyarakat Malaysia menumpukan sepenuh tenaga, usaha, pemikiran dan pengorbanan untuk mencapai cita-cita dan matlamat menjadikan Malaysia kebanggaan semua.

Sekurang-kurangnya Dr Mahathir sudah memutuskan pergantungan psikologi orang Melayu khususnya kepada keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan negara.

Dr Mahathir merasakan sudah tiba masanya bangsa Melayu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain dalam usaha mengejar kemajuan negara.

Dengan kemunculan ramai profesional, pakar, pengurus dan teknokrat Melayu, Dr Mahathir percaya sudah tiba masanya Melayu didedahkan kepada dunia persaingan sebenar bagi membolehkan mereka menjadi lebih kompetitif dan berdaya maju.

Buktinya hari ini kita melihat ramai teknokrat dan peniaga Melayu berjaya di persada ekonomi. Ini membuktikan Melayu bukanlah inferior seperti yang sering diperkatakan orientalis Barat. Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Shamsuddin Kadir, Tan Sri Wan Azmi Hamzah, Tan Sri Halim Saad dan ramai lagi adalah lambang kemegahan anak Melayu dalam ekonomi dan keusahawanan.

Mereka menjadi ikutan dan sumber inspirasi Melayu bahawa di alam semesta yang luas ini sebenarnya tidak ada yang mustahil. Yang mustahil adalah apabila kita menjadikannya mustahil.

Pepatah lama Cina ada menyatakan bahawa "Pengembaraan berjuta batu bermula daripada satu langkah".

Oleh itu orang Melayu yang asyik mengenang zaman silam yang daif dari segi ekonomi, pendidikan dan status rendah tanpa mengubah nasib tidak akan sampai ke mana. Orang Melayu harus berbangga dengan bangsanya seperti Jepun yang kerdil tetapi berjiwa besar, percayakan diri harus ada untuk mencapai kemajuan.

Sebab itu Dr Mahathir sering mengungkapkan 'Malaysia Boleh' kerana dia percaya rakyat Malaysia boleh melakukan apa saja asalkan berusaha. Penjajahan lebih 400 tahun terhadap bangsa Melayu sepatutnya tidak mematahkan semangat Melayu untuk bangkit sebagai bangsa yang besar dan bermaruah.

(END)